

08 AUG 1996

Mahathir - Elektrik

MAHATHIR MAHU TENAGA NASIONAL TIRU SISTEM PENGAGIHAN ELEKTRIK NEGARA LAIN

KUCHING, 8 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Tenaga Nasional mempelajari dan meniru sistem pengagihan bekalan elektrik di negara lain yang gangguan bekalan jarang berlaku.

Beliau berkata, di negara lain tidak pernah berlaku terputus bekalan elektrik seluruh negara tetapi gangguan cuma melibatkan kawasan kecil atau sesuatu tempat sahaja.

"Kita harus belajar mengapa di tempat lain tidak berlaku gangguan bekalan elektrik tetapi di negara kita, gangguan melibatkan seluruh negara," katanya dalam temuramah yang disiarkan secara langsung sempena lawatannya ke stesen Radio Kenyalang (RK) hari ini.

RK milik Kristal Harta Sdn Bhd ialah radio swasta pertama yang dipancarkan dari Sarawak melalui gelombang FM99.3 dan memulakan siaran secara percubaan pada 1 Ogos lepas.

Dalam temuramah selama setengah jam dengan deejay Zainaldin Zainal, Dr Mahathir ditanya banyak perkara termasuk keadaan politik di Sabah dan Kelantan, isu rasuah dan kemajuan ekonomi yang dicapai oleh Sarawak.

"Kita jangan malu untuk meniru benda yang baik dan jika orang lain boleh mendapat bekalan elektrik tanpa gangguan kenapa tidak di negara kita," katanya sambil menambah kata gangguan bekalan melibatkan seluruh negara sukar diterima.

Mengenai Sarawak, Dr Mahathir berkata kemajuan ekonomi negeri yang pesat di sini ialah hasil kecekapan pentadbiran dan pengurusan negeri sehingga berjaya menarik pelabur asing.

"Kalau kita tidak pandai mentadbir, pelabur tidak datang dan sebab itu pelabur tidak ingin ke Kelantan kerana mereka (pelabur) tidak tahu hendak berurusan dengan kerajaan yang tidak cekap," katanya.

Sebaliknya, Sarawak amat pesat membangun dan pembangunan bukan sahaja ditumpukan ke Kuching tetapi di tempat lain seperti di Mukah, Sibul, Miri dan Bintulu.

"Tetapi di Kelantan adalah sebaliknya kerana mereka menganggap kerajaan tidak perlu kepada kebolehan apa-apa dan oleh itu apabila mereka mentadbir macam-macam kerosakan yang berlaku," katanya.

Dr Mahathir juga berkata rakyat sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sudah mampu mengejar kemajuan dan pembangunan pesat di negara ini sekarang.

"Yang diperlukan daripada mereka ialah keinginan untuk mengejar sesuatu dan ketekunan dalam mempelajari sesuatu dan dengan itu saya yakin saya tidak tinggalkan sesiapa di belakang," katanya.

Mengenai Radio Kenyalang, beliau berharap penubuhannya dapat membantu menghubungkan rakyat dengan kerajaan.

"Rakyat perlu mengetahui perkembangan di seluruh negara dan ini amat penting untuk pembangunan negara kita dan dengan adanya RK segala yang terkini akan diketahui oleh rakyat. -- BERNAMA

MT RDY FAZ